

Undang-undang anti lompat Sabah secucuk dengan Kelantan

U.M 20 MAR 1993

KOTA BAHARU 19 Mac — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan keputusan Mahkamah Agung mengenai undang-undang anti lompat Sabah tidak sah adalah secucuk dengan apa yang dibuat di Negeri Kelantan.

Beliau berkata, undang-undang anti lompat Sabah itu menyekat kebebasan seseorang wakil rakyat dan sekarang ini terpulanglah kepada ahli-ahli USNO kalau mereka ingin menyertai UMNO.

"Sekarang ini tidak ada masalah untuk mereka berbuat demikian, katanya ketika mengulas mengenai Mahkamah Agung Kuala Lumpur memutuskan undang-undang anti lompat Sabah yang diluluskan oleh Dewan Negeri pada 20 Mei 1986, bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu ia tidak sah.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin

UMNO tiga peringkat termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita di Bangunan UMNO Negeri di sini hari ini beliau berkata:

"Dengan keputusan mahkamah itu orang-orang yang keluar parti kerana melompat kepada parti lain Kerajaan Sabah tidak boleh berbuat apa-apa lagi.

Mengenai tokoh korporat, Tan Sri Eric Chia yang ditahan oleh Pengawal Keselamatan Lapangan Terbang di New York

pada 2 Mac lalu, beliau merasa amat dukacita dengan apa yang terjadi kepada Eric Chia itu.

"Saya kurang yakin perkara ini benar, kalau ia lakukan apakah cara itu tindakan yang diambil terhadapnya,"ujarnya.

"Yang menyedihkan tindakan terhadap Eric Chia oleh pihak polis sehingga menelanjatkan dia, bawa dia dengan rantai, di Malaysia kita tidak buat undang-undang semacam itu.